



13 Jun 2016
13 June 2016
P.U. (A) 158

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) (NO. 5) 2016

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Jun 2008.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini—

“syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];

“Wilayah Ekonomi Pantai Timur” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [*Akta 688*].

(2) Kecuali bagi subperenggan 6(1) dan (2), perenggan 46 dan 55 Jadual 3 kepada Akta hendaklah terpakai berhubung dengan apa-apa sebutan mengenai “dilakukan” dalam Perintah ini, dan perkataan “melakukan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Orang yang layak

3. (1) Orang yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia;

- (b) suatu koperasi berasaskan pertanian;
- (c) suatu Pertubuhan Peladang;
- (d) suatu Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Kebangsaan atau Persatuan Nelayan Negeri; atau
- (e) suatu persatuan yang semata-mata terlibat dalam pertanian dan bermastautin di Malaysia.

(2) Jika orang yang layak ialah suatu syarikat yang telah diberikan pengecualian di bawah Perintah ini, mana-mana syarikat berkaitan kepada syarikat itu tidak layak mendapat pengecualian di bawah Perintah ini berhubung dengan aktiviti khas yang layak yang sama.

(3) Bagi maksud perenggan ini—

“koperasi berasaskan pertanian” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*];

“Persatuan Nelayan Kawasan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Persatuan Nelayan 1971 [*Akta 44*];

“Persatuan Nelayan Kebangsaan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Persatuan Nelayan 1971;

“Persatuan Nelayan Negeri” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Persatuan Nelayan 1971;

“Pertubuhan Peladang” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973.

Aktiviti khas yang layak

4. Aktiviti khas yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah aktiviti yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual—

- (a) yang belum dijalankan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada tarikh permohonan yang disebut dalam subperenggan 6(4) dibuat; atau
- (b) yang telah dijalankan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur tidak lebih daripada satu tahun sebelum tarikh permohonan yang disebut dalam subperenggan 6(4) dibuat,

dan yang diluluskan oleh Menteri.

Perbelanjaan modal yang layak

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah perbelanjaan modal yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual yang dilakukan oleh orang yang layak berhubung dengan suatu bangunan, kilang, jentera atau loji yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi maksud menjalankan aktiviti khas yang layak.

(2) Melainkan jika dinyatakan selainnya dalam Jadual, perbelanjaan modal yang layak tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas—

- (a) mana-mana bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal seseorang; atau
- (b) mana-mana jentera atau loji yang disediakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan pengarah atau individu yang merupakan anggota pengurusan, pentadbiran atau pekerja perkeranian bagi orang yang layak itu.

Pengecualian

6. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti khas yang layak, yang bersamaan dengan kadar elaun yang ditentukan oleh Menteri yang hendaklah tidak kurang daripada enam puluh peratus dan tidak lebih daripada seratus peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh orang yang layak itu.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi satu tempoh tahun taksiran berturut-turut sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, bermula dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama dilakukan oleh orang yang layak sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

(3) Tarikh permulaan yang disebut dalam subperenggan (2) tidak boleh lebih awal daripada tiga tahun sebelum tarikh permohonan bagi pengecualian dibuat dan tidak boleh lebih awal daripada 13 Jun 2008.

(4) Permohonan bagi pengecualian di bawah Perintah ini hendaklah dibuat kepada Menteri melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada atau selepas 13 Jun 2008 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020.

(5) Pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini adalah tertakluk kepada orang yang layak mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu.

(6) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

(7) Bagi maksud perenggan ini, “Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur” ertinya majlis yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008.

Pendapatan berkanun

7. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 6(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu bangunan, kilang, jentera atau loji digunakan bagi maksud suatu aktiviti khas yang layak juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain suatu aktiviti khas yang layak, maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana munasabah mengambil kira setakat yang bangunan, kilang, jentera atau loji itu digunakan bagi maksud aktiviti khas yang layak.

(3) Jika pengecualian diberikan kepada orang yang layak di bawah subperenggan 6(1) bagi suatu tahun taksiran, suatu amaun yang bersamaan dengan amaun elaun yang disebut dalam subperenggan 6(1) hendaklah dikecualikan daripada cukai bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang orang yang layak itu berhak di bawah subperenggan 6(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada pendapatan berkanun yang berkenaan dengannya pengecualian tidak boleh diberikan bagi tahun taksiran itu, hendaklah diberikan pengecualian bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang orang yang layak itu mempunyai pendapatan berkanun daripada aktiviti khas yang layak itu, dan bagi tahun atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehinggalah pengecualian diberikan berkenaan dengan keseluruhan pendapatan berkanun sebagaimana yang orang yang layak itu berhak di bawah subperenggan 6(1).

Pelupusan bangunan, kilang, jentera atau loji dalam tempoh dua tahun

8. Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh orang yang layak ke atas bangunan, kilang, jentera atau loji yang digunakan bagi maksud suatu aktiviti khas yang layak dan bangunan, kilang, jentera atau loji itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh perolehan bangunan, kilang, jentera atau loji itu, pengecualian yang diberikan berkenaan dengan amaun pendapatan berkanun yang bersamaan dengan amaun elaun perbelanjaan modal yang layak itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang bangunan, kilang, jentera atau loji itu dilupuskan.

Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi bangunan, kilang, jentera atau loji yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan

9. Jika orang yang layak melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa bangunan, kilang, jentera atau loji yang berkenaan dengannya pengecualian dipohon oleh orang yang layak itu di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

Penarikan balik pengecualian

10. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 6(1) sekiranya orang yang layak gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 6(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada orang yang layak itu dari tahun pertama tempoh yang disebut dalam subperenggan 6(2).

Punca berasingan dan akaun berasingan

11. (1) Jika orang yang layak menjalankan suatu aktiviti khas yang layak dan aktiviti selain aktiviti khas yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi aktiviti itu.

(2) Orang yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 6(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

Ketidakkpakaian

12. Perintah ini tidak terpakai bagi orang yang layak yang—

- (a) memulakan suatu aktiviti khas yang layak selepas satu tahun dari tarikh kelulusan oleh Menteri atau selepas tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Menteri; atau
- (b) dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—
 - (i) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
 - (ii) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 berkenaan dengan aktiviti khas yang layak yang sama; atau
 - (iii) telah diberikan pengecualian di bawah seksyen 127 Akta berkenaan dengan aktiviti khas yang layak yang sama.

JADUAL

(1) No.	(2) Aktiviti khas yang layak	(3) Perbelanjaan modal yang layak
1.	Pertanian	<p>(a) Pembersihan dan penyediaan tanah</p> <p>(b) Penanaman tanaman</p> <p>(c) Penyediaan sistem pengairan dan penyaliran</p> <p>(d) Penyediaan jentera atau loji</p> <p>(e) Pembinaan jalan masuk termasuk jambatan</p> <p>(f) Pembinaan atau pembelian bangunan (termasuk yang disediakan bagi tujuan kebajikan pekerja atau sebagai tempat tinggal pekerja)</p> <p>(g) Penambahbaikan struktur ke atas tanah atau struktur lain atas tanah, bagi pertanian dan, penyelidikan dan pembangunan berasaskan pertanian</p>
2.	Perkhidmatan berkaitan pertanian	<p>(a) Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p>(b) Pembinaan atau pembelian bangunan yang digunakan bagi pergudangan, pembungkusan, pengagihan dan pemasaran</p> <p>(c) Penyediaan jentera atau loji</p>
3.	Maklumat, komunikasi dan teknologi	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji
4.	Pendidikan dan latihan	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji
5.	Perkilangan	<p>(a) Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p>(b) Pembinaan atau pembelian bangunan</p> <p>(c) Penyediaan jentera atau loji</p>

(1) No.	(2) Aktiviti khas yang layak	(3) Perbelanjaan modal yang layak
6.	Minyak, gas dan petrokimia	<p>(a) Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p>(b) Pembinaan atau pembelian bangunan</p> <p>(c) Penyediaan jentera atau loji</p>
7.	Perkhidmatan berkaitan perkilangan	Mana-mana aset yang digunakan di Malaysia
8.	Hotel	<p>(a) Pembinaan atau pembelian bangunan hotel yang standardnya diluluskan di Malaysia</p> <p>(b) Pengubahan, peluasan dan pengubahsuaian bangunan hotel</p> <p>(c) Penyediaan jentera, loji atau kemudahan lain</p>
9.	Pelancongan	<p>(a) Pembersihan dan penyediaan tanah</p> <p>(b) Penanaman pokok dan tumbuh-tumbuhan</p> <p>(c) Pembinaan jalan dan kemudahan infrastruktur lain bagi projek pelancongan dan yang berhubungan dengan projek pelancongan</p> <p>(d) Mengadakan pameran burung, binatang dan pameran lain</p> <p>(e) Penyediaan jentera atau loji</p> <p>(f) Pembinaan atau pembelian bangunan (termasuk yang disediakan bagi tujuan kebajikan pekerja atau sebagai tempat tinggal pekerja)</p> <p>(g) Penambahbaikan struktur ke atas tanah dan struktur lain atas tanah, yang merupakan sebahagian daripada tanah yang berhubungan dengan projek pelancongan</p>

(1) No.	(2) Aktiviti khas yang layak	(3) Perbelanjaan modal yang layak
10.	Kebudayaan dan warisan	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji
11.	Lain-lain projek yang diluluskan oleh Menteri	Mana-mana aset yang digunakan di Malaysia

Dibuat 8 Jun 2016

[Perb. 0.3865/73(SJ.107) (SK.4); LHDN 01/35/(S)/42/51/231-30; PN(PU2)80/LXXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 5) Order 2016**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 13 June 2008.

Interpretation

2. (1) In this Order—

“related company” has the same meaning assigned to it in section 2 of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*];

“East Coast Economic Region” has the same meaning assigned to it in the East Coast Economic Region Development Council Act 2008 [*Act 688*].

(2) Except for subparagraphs 6(1) and (2), paragraphs 46 and 55 of Schedule 3 to the Act shall apply in relation to any reference to “incurred” in this Order, and the word “incurs” shall be construed accordingly.

Qualifying person

3. (1) The qualifying person referred to in this Order is—

(a) a company incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*] and resident in Malaysia;

(b) an agro-based co-operative society;

- (c) a Farmers' Organization;
- (d) an Area Fishermen's Association, a National Fishermen's Association or a State Fishermen's Association; or
- (e) an association solely engaged in agriculture and resident in Malaysia.

(2) Where the qualifying person is a company which has been granted an exemption under this Order, any related company to the company is not entitled to be granted an exemption under this Order in relation to the same special qualifying activity.

(3) For the purposes of this paragraph—

“agro-based co-operative society” has the same meaning assigned to it in the Farmers' Organization Act 1973 [*Act 109*];

“Area Fishermen's Association” has the same meaning assigned to it in the Fishermen's Associations Act 1971 [*Act 44*];

“National Fishermen's Association” has the same meaning assigned to it in the Fishermen's Associations Act 1971;

“State Fishermen's Association” has the same meaning assigned to it in the Fishermen's Associations Act 1971;

“Farmers' Organization” has the same meaning assigned to it in the Farmers' Organization Act 1973.

Special qualifying activity

4. A special qualifying activity referred to in this Order is an activity as set out in column (2) of the Schedule—

(a) which has not been carried on in the East Coast Economic Region on the date the application referred to in subparagraph 6(4) is made; or

(b) which has been carried on in the East Coast Economic Region not more than one year prior to the date the application referred to in subparagraph 6(4) is made,

and approved by the Minister.

Qualifying capital expenditure

5. (1) Subject to subparagraph (2), a qualifying capital expenditure referred to in this Order is a capital expenditure as set out in column (3) of the Schedule incurred by a qualifying person in relation to a building, factory, machinery or plant used in Malaysia solely for the purpose of carrying on a special qualifying activity.

(2) Unless otherwise stated in the Schedule, qualifying capital expenditure shall not include capital expenditure incurred on—

(a) any building which is used as living accommodation for a person;
or

(b) any machinery or plant which is provided wholly or partly for the use of a director or an individual who is a member of the management, administration or clerical staff of that qualifying person.

Exemption

6. (1) The Minister exempts a qualifying person in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of the statutory income derived from a special qualifying activity, which is equivalent to the rate of allowance as specified by the Minister which shall not be less than sixty per cent and shall not be more than one hundred per cent of the qualifying capital expenditure incurred by the qualifying person.

(2) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period of consecutive years of assessment as the Minister may determine, commencing from the date of the first qualifying capital expenditure incurred by the qualifying person as determined by the East Coast Economic Region Development Council.

(3) The commencement date referred to in subparagraph (2) shall not be earlier than three years before the date of the application for exemption is made and shall not be earlier than 13 June 2008.

(4) An application for exemption under this Order shall be made to the Minister through the East Coast Economic Region Development Council on or after 13 June 2008 but not later than 31 December 2020.

(5) An exemption granted under this Order is subject to the qualifying person complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption.

(6) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.

(7) For the purposes of this paragraph, the “East Coast Economic Region Development Council” means the council established under the East Coast Economic Region Development Council Act 2008.

Statutory income

7. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 6(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where a building, factory, machinery or plant is used for the purposes of a special qualifying activity is also used for the purposes of an activity other than a special qualifying activity, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the building, factory, machinery or plant is used for the purposes of the special qualifying activity.

(3) Where an exemption is granted to a qualifying person under subparagraph 6(1) for a year of assessment, an amount equal to the amount of the allowance referred to in subparagraph 6(1) shall be exempted from tax for that year of assessment.

(4) Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying person is entitled under subparagraph 6(1) for that year of assessment, then so much of the statutory income in respect of which exemption cannot be granted for that year of assessment, shall be granted exemption for the first subsequent year of assessment for the basis period for which the qualifying person has statutory income from the special qualifying activity, and for subsequent year or years of assessment until the exemption is granted in respect of the whole statutory income as the qualifying person is entitled under subparagraph 6(1).

Disposal of building, factory, machinery or plant within two years

8. Where a qualifying capital expenditure is incurred by a qualifying person on a building, factory, machinery or plant used for the purposes of a special qualifying activity and such building, factory, machinery or plant is disposed of at any time within the period of two years from the date of acquisition of the building, factory,

machinery or plant, the exemption granted in respect of the amount of statutory income which is equal to the amount of allowance for such qualifying capital expenditure shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the building, factory, machinery or plant is disposed of.

Determination of qualifying capital expenditure for building, factory, machinery or plant disposed to related company

9. Where the qualifying person disposes to its related company any building, factory, machinery or plant in respect of which an exemption is applied by the qualifying person under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

Withdrawal of exemption

10. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 6(1) if the qualifying person fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted in respect of any amount of the statutory income under subparagraph 6(1) shall be deemed to have not been granted to the qualifying person from the first year of the period referred to in subparagraph 6(2).

Separate source and separate account

11. (1) Where a qualifying person carries on a special qualifying activity and activity other than a special qualifying activity, each activity shall be treated as a separate and distinct source of the activity.

(2) The qualifying person who is granted an exemption under subparagraph 6(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

Non-application

12. This Order shall not apply to a qualifying person who—

- (a) commences a special qualifying activity after one year from the date of the approval by the Minister or after such extended period approved by the Minister; or
- (b) in the basis period for a year of assessment—
- (i) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance under Schedule 7B to the Act;
- (ii) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same special qualifying activity; or
- (iii) has been granted any exemption under section 127 of the Act in respect of the same special qualifying activity.

SCHEDULE

(1) No.	(2) Special qualifying activity	(3) Qualifying capital expenditure
1.	Agriculture	<p>(a) Clearing and preparation of land</p> <p>(b) Planting of crops</p> <p>(c) Provision of irrigation or drainage systems</p> <p>(d) Provision of machinery or plant</p> <p>(e) Construction of access roads including</p>

(1) No.	(2) Special qualifying activity	(3) Qualifying capital expenditure
		bridges <i>(f)</i> Construction or purchase of buildings (including those provided for the welfare of employees or as living accommodation for employees) <i>(g)</i> Structural improvements on land and other structures on land, for agriculture and, agriculture based research and development
2.	Agriculture related services	<i>(a)</i> Construction or purchase of factory <i>(b)</i> Construction or purchase of building to be used for warehousing, packaging, distribution and marketing <i>(c)</i> Provision of machinery or plant
3.	Information, communication and technology	Construction or purchase of building, machinery or plant
4.	Education and training	Construction or purchase of building, machinery or plant
5.	Manufacturing	<i>(a)</i> Construction or purchase of factory <i>(b)</i> Construction or purchase of building <i>(c)</i> Provision of machinery or plant

(1) No.	(2) Special qualifying activity	(3) Qualifying capital expenditure
6.	Oil, gas and petrochemical	<p><i>(a)</i> Construction or purchase of factory</p> <p><i>(b)</i> Construction or purchase of building</p> <p><i>(c)</i> Provision of machinery or plant</p>
7.	Manufacturing related services	Any asset used in Malaysia
8.	Hotel	<p><i>(a)</i> Construction or purchase of hotel building of approved standard in Malaysia</p> <p><i>(b)</i> Alteration, extension and renovation of hotel building</p> <p><i>(c)</i> Provision of machinery, plant or other facilities</p>
9.	Tourism	<p><i>(a)</i> Clearing and preparation of land</p> <p><i>(b)</i> Planting of trees and plants</p> <p><i>(c)</i> Construction of roads and other infrastructure facilities for the tourism project and relating to the tourism project</p> <p><i>(d)</i> Provision of birds, animals and other exhibits</p> <p><i>(e)</i> Provision of machinery or plant</p> <p><i>(f)</i> Construction or purchase of buildings</p>

(1) No.	(2) Special qualifying activity	(3) Qualifying capital expenditure
		(including those provided for the welfare of employees or as living accommodation for employees) (g) Structural improvements on land and other structures on land, forming part of the land relating to the tourism project
10.	Culture and heritage	Construction or purchase of building, machinery or plant
11.	Other projects approved by the Minister	Any asset used in Malaysia

Made 8 June 2016

[Perb. 0.3865/73 (SJ.107) (SK.4); LHDN 01/35/(S)/42/51/231-30; PN(PU2)80/LXXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]